

Letupan gas universiti: KPT arah periksa semua kemudahan kampus

Oleh KOSMO!-12 Januari 2026, 7:57 pm



Keadaan sebuah universiti swasta yang terlibat dalam kejadian letupan gas isnin lalu.

PETALING JAYA – Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengarahkan sebuah universiti swasta di Jalan Semantan, Kuala Lumpur supaya menjalankan pemeriksaan keselamatan menyeluruh susulan insiden letupan gas yang berlaku di tingkat empat bangunan kampus berkenaan. Kawasan terjejas perlu disahkan selamat oleh pihak berkuasa sebelum digunakan semula, selain penyediaan sokongan kebajikan termasuk rawatan perubatan dan bantuan psikososial kepada semua mangsa terlibat.

Dalam kejadian kira-kira jam 11.45 pagi itu, seorang kontraktor lelaki tempatan berusia 24 tahun disahkan meninggal dunia di Hospital Kuala Lumpur, manakala sembilan individu lain cedera termasuk pelajar dan pekerja kampus. Menurut Ketua Polis Kuala Lumpur, Fadil Marsus, insiden dipercayai berpunca daripada kebocoran gas penyaman udara bertekanan tinggi semasa kerja penyelenggaraan. KPT menegaskan komitmen untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan warga Institusi Pendidikan Tinggi sentiasa terjamin serta akan terus memantau perkembangan siasatan dari semasa ke semasa.